

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan takziah dan simpati kepada semua ahli keluarga dan sahabat handai penumpang dan anak kapal MH370 atas kehilangan orang tersayang di dalam penerbangan tersebut.

Sehubungan dengan itu, MAS masih bergelut dengan kedudukan kewangan yang sukar kini terpaksa menangani tragedi MH370 pada skala yang begitu kompleks yang belum pernah dilalui oleh industri penerbangan. Pasti ini merupakan fasa yang sangat mencabar bagi Lembaga Pengarah MAS.

Insiden MH370 telah mendedahkan beberapa kekuatan dan juga kelemahan kita dalam menguruskan isu ini. Saya percaya, kita perlu fokus untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan termasuklah membuat penilaian kritikal dan muhasabah diri. Banyak pengajaran dapat dipelajari daripada insiden ini yang boleh juga kita panjangkan kepada lembaga pengarah syarikat-syarikat di Malaysia. Pasti salah satu ialah mengenai pengurusan krisis. Untuk menjadi pemain bertaraf global, kita perlu bersikap telus sejak dari mula lagi untuk mendapat kepercayaan semua pihak yang mempunyai kepentingan.

Dalam hal berasingan, kami melihat beberapa tanda amaran daripada agensi penarafan Fitch Ratings, di mana laporan terbarunya menyatakan bahawa hutang isi rumah yang tinggi akan terus menyelubungi tinjauan masa hadapan bank-bank Malaysia. Mengambil kira kadar faedah yang dijangka akan meningkat, peminjam mungkin akan menghadapi kesukaran untuk membayar hutang mereka. Situasi ini menurut Fitch boleh melemahkan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

Menyentuh perkembangan positif, Malaysia telah muncul sebagai lokasi utama pembuatan di dunia menurut Indeks Pembuatan 2014 terbaru yang diterbitkan oleh Cushman & Wakefield's (C&W).

Menurut laporan tersebut, tiga aspek utama telah dianalisa iaitu kos, risiko dan keadaan seperti persekitaran perniagaan, akses kepada pasaran serta tanggungjawab korporat. Malaysia memperoleh kedudukan teratas di hadapan Taiwan, Korea Selatan, Thailand dan China. Ini merupakan berita baik bagi negara, terutamanya mengambil kira keperluan negara untuk mempunyai sektor eksport yang teguh untuk mengukuhkan akaun semasa negara. Kedudukan lebih akaun semasa yang kukuh akan mengurangkan risiko pengaliran keluar dana secara besar-besaran yang telah membelenggu negara-negara pasaran baru muncul seperti India, Indonesia dan Turki pada tahun lepas, di mana kesemuanya telah mengalami defisit akaun semasa.

Salam,
Rita

KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA MARKET

Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF), Bursa Malaysia dan SME Corporation sedang dalam perbincangan untuk mengurangkan kos penyenaian yang kini berjumlah antara RM1 juta - RM2 juta bagi syarikat perusahaan kecil dan sederhana ("PKS") menjelang akhir tahun. Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Mohd Najib Abdullah menyatakan langkah ini adalah sebahagian daripada usaha yang diambil untuk menggalakkan lebih banyak PKS untuk mengapungkan saham syarikat mereka di Bursa Malaysia.

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, ketiga-tiga pihak masih belum lagi mencapai kata sepakat mengenai isu ini memandangkan terdapat banyak pihak yang terbabit di dalam proses penyenaian, seperti peguam, penyelidik pasaran dan akauntan. Selain membincangkan cara alternatif untuk mengurangkan kos, ketiga-tiga pihak ini juga akan berbincang dengan pihak berkepentingan yang lain mengenai langkah-langkah lain yang boleh dilaksanakan. PKS merupakan tulang belakang ekonomi dan dijangka akan menyumbang 41% kepada produk domestik kasar dan lagi 62% kepada peluang pekerjaan menjelang 2020.

KOMEN MSWG:

Pemerhati pasaran menyatakan bahawa pihak kawal selia pasaran mungkin berasa risau mengenai potensi tawaran awam permulaan yang baru ("IPO") yang agak berkurangan terutamanya daripada segmen modal kecil dan sederhana, serta kurang minat daripada PKS untuk disenaraikan di Bursa Malaysia. Walau bagaimanapun, meskipun cadangan untuk mengurangkan kos penyenaian mungkin dapat menarik lebih banyak penyenaian baru, kami ingin menekankan bahawa kualiti mesti sentiasa diutamakan berbanding kuantiti.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

KIAN JOO CAN FACTORY BERHAD ("KIAN JOO")

Pada 25 Mac 2014 Kian Joo mengumumkan bahawa syarikat telah menandatangani Perjanjian Penjualan Perniagaan, Perjanjian Penjualan Hartanah dan Perjanjian Penjualan Aset dengan Aspire Insight Sdn. Bhd. ("AISB") pada 25 Mac 2014 berikutan Cadangan Pelupusan. Apabila cadangan tersebut dimuktamadkan, Kian Joo akan melaksanakan pembayaran balik modal untuk memulangkan hasil kutipan tunai yang diperolehi daripada Cadangan Pelupusan tersebut kepada para pemegang saham menerusi Cadangan Pengagihan Hasil Kutipan.

KOMEN MSWG:

Walaupun Kian Joo telah menandatangani perjanjian formal dengan AISB berkaitan pelupusan aset dan liabiliti teras syarikat bagi pertimbangan tunai sebanyak RM3.30 sesaham, ini tidak menghalang pemegang saham Kian Joo daripada mempertimbangkan dan menerima tawaran yang lebih tinggi daripada Toyota Tsusho Corp. ("TTC"), dengan syarat TTC perlu membuat tawaran pengambilalihan separa bagi Kian Joo pada harga tawaran sebanyak RM3.74 sesaham sebelum Mesyuarat Agung Luar Biasa ("EGM") bagi meluluskan Cadangan Pelupusan tersebut diadakan.

MISC BERHAD ("MISC") / UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD ("UMB")

Pada 21 Mac 2014 MISC telah mengumumkan bahawa syarikat telah menandatangani Perjanjian Jual Beli Saham dengan Golden Age Logistics Sdn. Bhd. (“GALSB”), anak syarikat milik penuh Utusan Printcorp Sdn. Bhd. (“UPSB”) bagi pelupusan keseluruhan kepentingan ekuiti yang dipegang oleh MISC di dalam MISC Integrated Logistics Sdn. Bhd. (“MILS”), anak syarikat milik penuh MISC bagi pertimbangan tunai sebanyak RM250.0 juta.

KOMEN MSWG:

UPSB merupakan syarikat bersekutu 40% milik UMB, di mana aktiviti utamanya ialah percetakan dan pengagihan surat khabar harian. Manakala aktiviti utama MILS adalah melaksanakan pengurusan rangkaian bekalan dan logistik projek, termasuk pengurusan fret, pengangkutan dan pergudangan kering dan sejuk. Aktiviti-aktiviti ini berbeza daripada aktiviti teras UMB.

Mengambil kira perkara di atas, adakah pengambilalihan MILS boleh dianggap sebagai pembelbagaian perniagaan yang besar yang memerlukan kepakaran spesifik untuk menguruskan perniagaan baru tersebut, dan juga memerlukan kelulusan pemegang saham UMB?

SYMPHONY HOUSE BHD (“SHB”)

Pada 26 Mac 2014, SHB telah menandatangani Perjanjian Dasar Induk dengan Ranhill Energy bagi cadangan pengambilalihan berbalik SHB oleh Ranhill Energy and Resources Berhad (“Ranhill Energy”), yang merupakan syarikat pegangan mutakhir Ranhill Group Sdn Bhd (yang dahulunya dikenali sebagai Ranhill Power Sdn Bhd). Berikutan perjanjian tersebut, SHB dan Ranhill Energy telah bersetuju untuk berunding secara eksklusif mengenai terma-terma dan syarat-syarat terperinci cadangan tersebut dengan tujuan untuk memuktamadkan dan menandatangani perjanjian muktamad yang berkaitan dalam masa 2 bulan dari tarikh Perjanjian Dasar Induk atau satu tempoh lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

KOMEN MSWG:

Adakah pemegang saham minoriti SHB akan mendapat manfaat daripada cadangan pengambilalihan berbalik SHB oleh Ranhill Energy (“Cadangan Pengambilalihan Berbalik”) di mana perniagaan Ranhill Energy adalah perniagaan yang sangat berbeza daripada aktiviti teras SHB? Adakah keuntungan daripada Cadangan Pengambilalihan Berbalik tersebut akan dapat melebihi diskaun atas pelupusan perniagaan teras SHB masa kini kepada pihak berkaitan? Ini merupakan isu-isu utama yang perlu dianalisa dengan lebih mendalam sebelum kami boleh memberikan komen sama ada Cadangan Pengambilalihan Berbalik ini akan memberikan manfaat kepada pemegang saham SHB atau sebaliknya.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.